

**SOALAN LAZIM
CABUTAN WOW! SSPN-i Plus 2020**

1. **Soalan:**

Apakah Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020?

Jawapan:

Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 adalah promosi yang diadakan untuk pendeposit sedia ada dan pendeposit baharu SSPN-I Plus.

2. **Soalan:**

Bilakah tempoh promosi Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020?

Jawapan:

Tempoh promosi adalah seperti berikut:-

Jenis Kempen	Tempoh Promosi
Cabutan Wow! Bulanan	1 Julai – 31 Julai 2020
	1 Ogos – 31 Ogos 2020
	1 September – 30 September 2020
	1 Oktober – 31 Oktober 2020
	1 November – 30 November 2020
	1 Disember – 31 Disember 2020
Cabutan Wow! Tahunan	1 Januari – 31 Disember 2020

3. **Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai promosi Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020?

Jawapan:

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada **pendeposit SSPN-i Plus**;
- ii. Promosi ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh:
 - a. Kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak)
 - b. Kakitangan HLMT dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak)
- iii. Pendeposit perlu **membuka akaun atau membuat penambahan simpanan** semasa tempoh promosi;
- iv. Pendeposit perlu **memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**;
- v. Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada **setiap simpanan bersih RM50** (simpanan + takaful) bersamaan dengan **satu (1) cabutan**. **Tiada had bilangan cabutan**;
- vi. **Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif sehingga tamat tempoh promosi.**

4. **Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

5. **Soalan:**

Bagaimanakan pendeposit boleh membuka akaun/ menambah simpanan SSPN-i Plus?

Jawapan:

Akaun SSPN-i Plus boleh dibuka/ ditambah secara *online* dengan melayari www.lovesspn.com, di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

6. **Soalan:**

Jika akaun pendeposit telah tertunggak, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Tidak layak. Pendeposit perlu memastikan akaun tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan yang ditetapkan.

7. **Soalan:**

Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

8. **Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

9. **Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

Jawapan:

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 - Cabutan Bulanan

Bulan	Hadiyah Tunai	Bilangan Pemenang
Julai	RM2,020.00	20
Ogos	RM2,020.00	20
September	RM2,020.00	20
Oktober	RM2,020.00	20
November	RM2,020.00	20
Disember	RM2,020.00	20

Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 Tahunan

Pemenang	Hadiyah Tahunan	Bilangan
Utama	Kereta Mercedes C200FL AMG LINE	1
Kedua	Tunai bernilai RM50,000.00	1
Ketiga	Tunai bernilai RM30,000.00	1
Saguhati	Tunai bernilai RM500.00	1,000

10. **Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020 akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.

11. **Soalan:**

Bilikah dan bagaimanakan hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiyah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN-i, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di SSPN-i Plus. Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian Careline 03-2193 3000 untuk info lanjut.

syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran kenderaan.

12. **Soalan:**

Adakah pendeposit yang telah memenangi hadiah tunai di dalam kempen ini boleh mengeluarkan tunai yang dimenangi?

Jawapan:

Hadiah tunai yang dimenangi perlu dikekalkan di dalam akaun SSPN-i selama **3 bulan dari pada tarikh cabutan**.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Cabutan Wow! SSPN-i Plus 2020**.*

Maklumat dikemas kini pada 13 Julai 2020